

Kes kemarian Zara Qairina

Anwar arah Pengarah JSJ Bukit Aman pantau sendiri siasatan

PM tegaskan Kerajaan MADANI tidak akan melindungi pihak bersalah demi keadilan

Oleh Siti Rohana Idris
bhnews@bh.com.my

Kota Bharu: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk M Kumar, memantau sendiri siasatan kes kematian pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Tun Datu Mustapha, Papar, Zara Qairina Mahathir.

Menyifatkan langkah itu perlu supaya siasatan kes tidak berdepan sebarang masalah, Perdana Menteri menegaskan, Kerajaan MADANI pimpinannya tidak akan melindungi mana-mana pihak yang bersalah dalam kes terbabit.

Sambil mengakui kes terbabit tidak boleh dipandang ringan, beliau memohon orang ramai tidak menjadikan kes kematian pelajar Tingkatan Satu itu sebagai bahan politik, sekali gus mencekutkan spekulasi yang mengundang fitnah.

"Saya telah arahan agar sia-

satan penuh, terbuka dan telus dijalankan berhubung kematian anak kita, Zara Qairina di Sabah.

"Tidak kira siapa pun yang terlibat, orang kenamaan atau orang biasa, tiada tolak ansur! Setiap kematian mesti disiasat tanpa cubaan melindungi mana-mana pihak demi keadilan.

"Namun, kita tidak boleh jadikan tragedi ini sebagai modal politik. Jangan bina istana di atas pusara.

"Menggunakan kesedihan keluarga untuk menyerang atau membina keuntungan politik adalah tindakan yang tidak berperikemanusiaan. Nyawa yang terkorban bukan bahan permainan untuk diperalatkan.

"Kalau keluarga saya terlibat pun, sudah tentu ingin tahu puncanya. Saya sudah arahkan Ketua Siasatan Jenayah di Kuala Lumpur (Pengarah JSJ, Datuk M Kumar) pantau sendiri agar tak timbul masalah, ini Kerajaan MADANI tak ada nak melindungi sesiapa yang bersalah," katanya.

Pulih keyakinan rakyat

Beliau menegaskan demikian ketika berucap dalam program Rancangan MADANI Kelantan di Dewan Utama Kampus Kesihatan USM Kubang Kerian, di sini, semalam.

Yang turut hadir ialah Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir dan Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohd Nassuruddin Daud.



Anwar bersama Zambry dan Mohd Nassuruddin pada majlis perasmian Program Rancangan MADANI Kelantan dan peluncuran Program Aku Kasih Malaysia di Kampus Kesihatan USM, Kubang Kerian, semalam. (Foto BERNAMA)

Perdana Menteri berkata, atas syak wasangka dan mengikut lunas undang-undang, Peguam Negara telah mengarahkan jasad mayat pelajar terbabit digali semula untuk bedah siasat.

"Langkah ini penting untuk memulihkan keyakinan rakyat bahawa kebenaran tidak disembunyikan.

"Saya tegaskan sekali lagi, ini Kerajaan MADANI. Tiada sesiapa termasuk VIP, akan dilindungi jika bersalah. Pembunuh

tetap pembunuh dan undang-undang mesti ditegakkan demi memastikan setiap nyawa dihargai serta keadilan ditegakkan," katanya.

Kelmarin, Jabatan Peguam Negara (AGC) mengarahkan polis menggali semula kubur Zara Qairina yang meninggal dunia dan dikebumikan pada 17 Julai lalu, selepas ditemui cedera parah di bawah asrama SMKA Tun Datu Mustapha, Papar, kira-kira jam 3 pagi 16 Julai lalu.

Menurut AGC, tindakan itu antara beberapa arahan dikeluarkan kepada PDRM untuk membolehkan prosedur bedah siasat dijalankan ke atas jasad mangsa bagi membolehkan siasatan secara menyeluruh dibuat.

Langkah itu bertujuan memastikan PDRM memperoleh maklumat dan bukti tambahan yang diperlukan bagi melengkapkan siasatan berhubung kes kematian Zara Qairina.